

CABARAN MUALAF DALAM MASYARAKAT

Marlon P. Guleng @ Muhammad Yusuf Marlon Abdullah¹
Razaleigh Muhamat@Kawangit²
Syarul Azman Shahrudin³

ABSTRAK

Isu cabaran mualaf dalam penyesuaian diri terhadap masyarakat sering dikaitkan dengan kejadian murtad disebabkan keyakinan mereka terhadap Islam masih tidak begitu kukuh dan mereka gagal menyesuaikan diri serta kecewa dengan situasi baharu yang dihadapi. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis jenis cabaran yang dihadapi oleh golongan mualaf dalam masyarakat. Metodologi kajian adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan terhadap 100 responden mualaf di PERKIM Pusat, Kuala Lumpur. Soal selidik telah diedarkan menggunakan persampelan rawak mudah. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua bentuk cabaran utama yang dihadapi oleh golongan mualaf selepas memeluk Islam, iaitu sebanyak 71% responden yang mengatakan disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam dan 70% responden yang menyatakan dilabel sebagai masuk Melayu. Penemuan kajian ini memberi implikasi yang baik terhadap perkembangan dakwah dalam mencari satu kaedah baharu bagi membantu para pendakwah Muslim dalam penyebaran dakwah Islamiah dalam kalangan bukan Islam di negara Malaysia.

Kata kunci: cabaran; mualaf; keluarga; masyarakat; budaya Islam

ABSTRACT

The issue of mualaf challenges in adaptation within the community is often been associated with the apostasy cases due to the poor level of confidence in Islam, failure in adapting themselves and disappointment in facing the new situation. The main objective of this research is to analyzing the type of challenges being faced by the mualaf within the community. The research methodology is in quantitative form with the method of survey towards 100 respondents in PERKIM which is located in Kuala Lumpur. The questionnaires have been distributed by using Simple Random Sampling. The results show majority of the respondents are facing of two forms of challenges after converting to Islam as 71% of respondents stated that they are insinuated by the family and 70% of respondents claimed that they are labeled as 'masuk Melayu'. This research would benefit the development of dakwah in exploring the new method to assist the Muslim missionaries in spreading dakwah Islamiah among non-Muslims in Malaysia.

Keywords: challenges; newly converted Muslims; family; community; Islamic culture

¹Marlon P. Guleng@ Muhammad Yusuf Marlon Bin Abdullah, Pensyarah Jabatan Dakwah & Pengurusan, KUIS, yusufmarlon@kuis.edu.my

²Razaleigh Muhamat@Kawangit, Profesor Madya & Ketua Jabatan Dakwah & Kepimpinan, UKM, raza@ukm.edu.my

³Syarul Azman Shahrudin, Pensyarah Jabatan Dakwah & Pengurusan, KUIS, syarulazman@kuis.edu.my

Pengenalan

Statistik mualaf yang memeluk Islam di seluruh Malaysia pada tahun 1990-2004 dianggarkan sebanyak 82,530 orang daripada pelbagai bangsa, etnik, budaya dan keturunan (<http://www.islam.gov.my> 2004). Artikel ini menganalisis jumlah mualaf yang memeluk Islam di PERKIM Pusat dengan merujuk kepada laporan yang tercatat di dalam Buku Laporan Tahunan PERKIM yang dikeluarkan pada setiap tahun. Hasil kajian mendapati bahawa statistik dan bilangan pengislaman di PERKIM Pusat, Kuala Lumpur bagi tahun 2002 hingga 2012 adalah seramai 4,581 orang daripada pelbagai bangsa dan negara (Buku Laporan Tahunan PERKIM 2002-2012).

Berkesinambungan dengan peningkatan jumlah mualaf pada setiap tahun, masyarakat Muslim haruslah berganding bahu mengambil langkah proaktif dalam memberikan motivasi, membantu dan mencukupkan keperluan mereka, menunaikan hak dan memberikan perhatian yang serius kepada golongan ini supaya akidah mereka dapat dikekalkan dalam agama Islam. Proses penyesuaian diri dengan agama baru memang mencabar kehidupan golongan mualaf.

Objektif penulisan ini adalah untuk menganalisis cabaran yang dialami oleh golongan mualaf terhadap keluarga, menganalisis cabaran yang dialami oleh golongan mualaf terhadap masyarakat dan menganalisis cabaran yang dialami oleh golongan mualaf terhadap integrasi budaya Islam.

Penulisan kajian berkaitan golongan mualaf telah banyak ditulis oleh para pengkaji antaranya Nur Kareelawati Binti Abd Karim (2002). Kajian ini membincangkan mengenai pendekatan dakwah yang digunakan oleh Darul Arqam, Singapura khusus kepada Saudara Baru. Hasil kajian tersebut, Nur Kareelawati dapat membuktikan bahawa Darul Arqam merupakan sebuah organisasi dakwah yang menyediakan program bimbingan yang menarik menerusi metodologi dakwah yang diamalkan sehingga dapat menarik majoriti belia dan golongan profesional. Selain itu, kajian yang membincangkan tentang program-program yang dijalankan oleh PERKIM kepada saudara Muslim serta keberkesanannya kepada golongan tersebut (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao, 2013). Hasil kajian mendapati pelbagai program telah dijalankan oleh PERKIM Kebangsaan kepada saudara Muslim. Kajian yang dilakukan oleh Aisyah Jami'an (2005) pula membincangkan tentang penghayatan ajaran Islam dalam kalangan saudara baharu India. Hasil kajian tersebut, didapati bahawa faktor utama yang menyebabkan orang India memeluk Islam adalah kerana perkahwinan. Namun, tidak dinafikan juga sebahagian saudara baharu India memeluk Islam kerana kajian yang dilakukan dan dorongan kawan. Walau bagaimanapun, faktor pendidikan, keadaan ekonomi dan kurang melibatkan diri dengan kelas-kelas agama yang dianjurkan oleh pihak JAWI, PERKIM, dan ABIM menjadi penentu tidak terpeliharanya penghayatan mereka terhadap ajaran Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan berbentuk deskriptif yang bertujuan mengkaji cabaran-cabaran yang dialami oleh golongan mualaf dalam masyarakat. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 100 orang mualaf di PERKIM Pusat, Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Bagi mendapatkan

data, satu set soal selidik telah disediakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan demografi responden dan cabaran-cabaran yang dialami oleh golongan muafaf dalam masyarakat. Untuk tujuan penganalisaan data, kajian ini menggunakan aplikasi *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) 20*. Data diolah secara deskriptif untuk menunjukkan maklumat dalam bentuk jadual dengan menggunakan min, mod, peratusan dan kekerapan.

Dapatan Kajian

a. Cabaran keluarga

Hasil kajian berkaitan cabaran keluarga golongan muafaf di PERKIM Pusat, penulis mendapati bahawa item B7 “Disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam” dan item B10 “Dilabel sebagai masuk Melayu” sebagai dua item yang paling menonjol. Misalnya, item B7, sebanyak 71 orang responden (71%) yang setuju dan sangat setuju berkaitan item tersebut. Manakala item B10 pula, 70 orang responden (70%) yang setuju dan sangat setuju yang menghadapi cabaran tersebut. Sebanyak 10 item yang ditanyakan, namun hanya dua item sahaja yang mendapat purata tertinggi yang menjawab setuju dan sangat setuju terhadap cabaran yang ditanyakan. Untuk melihat keseluruhan jawapan yang diberikan boleh rujuk pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Taburan Cabaran Keluarga Responden Golongan Muafaf di PERKIM

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
		F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
B1	Sikap pemuluan oleh keluarga kandung	36 (36%)	25 (25%)	30 (30%)	9 (9%)
B2	Tidak mengakui anak kandung oleh ibu bapa	55 (55%)	32 (32%)	6 (6%)	7 (7%)
B3	Terputusnya hubungan kekeluargaan	48 (48%)	41 (41%)	4 (4%)	7 (7%)
B4	Terputusnya bantuan kewangan dan sumber pendapatan	43 (43%)	33 (33%)	12 (12%)	12 (12%)
B5	Pernah dikurung dalam rumah	53 (53%)	34 (34%)	5 (5%)	8 (8%)
B6	Pernah dipukul kerana tidak keluar daripada Islam	55 (55%)	31 (31%)	5 (5%)	9 (9%)
B7	Disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam	14 (14%)	15 (15%)	48 (48%)	23 (23%)
B8	Diugut untuk dibunuh	47 (47%)	40 (40%)	6 (6%)	7 (7%)
B9	Hilang pewarisan harta pusaka	37 (37%)	46 (46%)	8 (8%)	9 (9%)

B10	Dilabel sebagai masuk Melayu	13 (13%)	17 (17%)	40 (40%)	30 (30%)
-----	------------------------------	----------	----------	----------	----------

Sumber: Cabaran muaf dalam masyarakat (2014)

Dengan melihat kepada *mean* (min) dan *mode* (mod) dalam menganalisis hasil kajian berkaitan cabaran keluarga yang dihadapi oleh golongan muaf di PERKIM dapat dikenal pasti item yang paling banyak dipilih oleh responden terhadap sesuatu pertanyaan. Dalam Jadual 1.2, jelas menggambarkan bahawa item B7 dan B10 merupakan item yang paling ketara dihadapi oleh golongan muaf di PERKIM.

Jadual 1.2 Taburan cabaran keluarga responden golongan muaf di PERKIM

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Mean	Mode
B1	Sikap pemuluan oleh keluarga kandung	1	4	2.12	1
B2	Tidak mengakui anak kandung oleh ibu bapa	1	4	1.65	1
B3	Terputusnya hubungan kekeluargaan	1	4	1.70	1
B4	Terputusnya bantuan kewangan dan sumber pendapatan	1	4	1.93	1
B5	Pernah dikurung dalam rumah	1	4	1.68	1
B6	Pernah dipukul kerana tidak keluar daripada Islam	1	4	1.68	1
B7	Disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam	1	4	2.80	3
B8	Diugut untuk dibunuh	1	4	1.73	1
B9	Hilang pewarisan harta pusaka	1	4	1.89	2
B10	Dilabel sebagai masuk Melayu	1	4	2.87	3

Sumber: Cabaran muaf dalam masyarakat (2014)

Kaedah *explore* dapat menilai kebolehpercayaan sesuatu item dengan melihat kepada keputusan nilai Skewness, iaitu jika nilai kebolehpercayaan sesuatu item ke arah negatif maka kebolehpercayaannya tinggi seperti yang digambarkan dalam Jadual 1.3 (Julie Pallant 2001: 54). Keputusan Skewness pada item B7 "Disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam", responden lelaki mendapat $-.826$ manakala responden perempuan mendapat keputusan sebanyak $-.367$ dan jawapan responden terhadap item tersebut mendapat kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1.3 Taburan cabaran keluarga responden golongan mualaf di PERKIM

Descriptives				Statistic	Std. Error
b7	jantina	Mean		3.0000	.12451
		95% Confidence Interval for Mean	Lower Bound	2.7487	
			Upper Bound	3.2513	
		5% Trimmed Mean		3.0556	
		Median		3.0000	
		Variance		.667	
		Std. Deviation		.81650	
		Minimum		1.00	
		Maximum		4.00	
		Range		3.00	
	lelaki	Interquartile Range		1.00	
		Skewness		-.826	.361
		Kurtosis		.729	.709
		Mean		2.6491	.13593
		95% Confidence Interval for Mean	Lower Bound	2.3768	
			Upper Bound	2.9214	
		5% Trimmed Mean		2.6657	
		Median		3.0000	
		Variance		1.053	
		Std. Deviation		1.02628	
perempuan	Minimum		1.00		
	Maximum		4.00		
	Range		3.00		
	Interquartile Range		1.00		
	Skewness		-.367	.316	
	Kurtosis		-.956	.623	

Sumber: Cabaran mualaf dalam masyarakat (2014)

Hasil kajian berdasarkan Jadual 1.4, keputusan kebolehpercayaan Skewness pada item B10 “Dilabel sebagai masuk Melayu”, responden lelaki mendapat -1.011 manakala responden perempuan mendapat keputusan sebanyak -.265 dan hasil jawapan yang diberikan oleh responden terhadap item B10 mendapat kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1.4 Taburan cabaran keluarga responden golongan mualaf di PERKIM

Descriptives			Statistic	Std. Error
b10	jantina	Mean	3.1628	.13282
		95% Confidence Interval for Mean	Lower Bound 2.8947 Upper Bound 3.4308	
		5% Trimmed Mean	3.2364	
		Median	3.0000	
		Variance	.759	
	lelaki	Std. Deviation	.87097	
		Minimum	1.00	
		Maximum	4.00	
		Range	3.00	
		Interquartile Range	1.00	
		Skewness	-1.011	.361
		Kurtosis	.655	.709
		Mean	2.6491	.13593
		95% Confidence Interval for Mean	Lower Bound 2.3768 Upper Bound 2.9214	
		5% Trimmed Mean	2.6657	
		Median	3.0000	
	perempuan	Variance	1.053	
		Std. Deviation	1.02628	
		Minimum	1.00	
		Maximum	4.00	
	Range	3.00		
	Interquartile Range	1.00		
	Skewness	-.265	.316	
	Kurtosis	-1.020	.623	

Sumber: Cabaran mualaf dalam masyarakat (2014)

b. Cabaran dalam masyarakat

Hasil kajian berkaitan cabaran golongan mualaf dalam kalangan pelajar PERKIM terhadap masyarakat mendapati bahawa dalam purata antara 17 orang responden (17%) sehingga 33 orang responden (33%) daripada jumlah 100 orang responden (100%) mengatakan mereka mengalami cabaran dalam masyarakat terhadap 10 item pemboleh ubah yang dinyatakan dalam set soal selidik. Hal ini bererti majoriti daripada responden, iaitu dalam purata 67 orang responden (67%) sehingga 83 orang responden (83%) tidak berhadapan dengan cabaran dalam masyarakat. Dapatan kajian yang dinyatakan dalam Jadual 4.15 sangat jelas bahawa sebilangan besar responden tidak mempunyai banyak cabaran yang dihadapi dalam masyarakat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui respon yang dijawab melalui soal selidik yang diperoleh daripada mereka.

Jadual 1.5 Taburan cabaran dalam masyarakat responden mualaf di PERKIM

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
		F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
B11	Masyarakat menganaktirikan mualaf	28 (28%)	50 (50%)	14 (14%)	8 (8%)
B12	Keluarga angkat tidak memberi didikan agama	33 (33%)	48 (48%)	10 (10%)	9 (9%)
B13	Masyarakat memandang serong kepada golongan mualaf	31 (31%)	36 (36%)	23 (23%)	10 (10%)
B14	Masyarakat tidak membantu dalam pembangunan mualaf	32 (32%)	43 (43%)	14 (14%)	11 (11%)
B15	Masyarakat mempertikaikan niat memeluk Islam	26 (26%)	44 (44%)	19 (19%)	11 (11%)
B16	Masyarakat prejudis dengan tujuan saya memeluk Islam	28 (28%)	46 (46%)	16 (16%)	1 (1%)
B17	Disindir oleh masyarakat kerana memeluk Islam	29 (29%)	47 (47%)	18 (18%)	6 (6%)
B18	Masyarakat tidak mampu membela nasib mualaf	25 (25%)	57 (57%)	11 (11%)	7 (7%)
B19	Ketiadaan tempat mengadu masalah	25 (25%)	43 (43%)	22 (22%)	10 (10%)
B20	Ketiadaan tempat merujuk berkaitan ilmu-ilmu agama Islam	30 (30%)	45 (45%)	17 (17%)	8 (8)

Sumber: Cabaran mualaf dalam masyarakat (2014)

Dalam Jadual 1.6, purata min (<2.0) dan mod (2.0) dalam dapatan kajian berkaitan cabaran golongan mualaf dalam masyarakat menunjukkan berada dalam purata yang rendah. Sebanyak 10 item pemboleh ubah yang ditanyakan kepada responden mendapat skor yang rendah, iaitu purata “tidak setuju” terhadap kesemua pemboleh ubah dalam set soal selidik. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian mualaf yang menghadapi cabaran dalam masyarakat. Antara cabaran tersebut ialah “Masyarakat memandang serong kepada golongan mualaf” dan responden yang mengalaminya adalah sebanyak 33%, “Masyarakat mempertikaikan niat memeluk Islam” sebanyak 30% dan “Ketiadaan tempat mengadu masalah” sebanyak 32% yang mengalaminya.

Dalam Jadual 1.6, secara keseluruhannya jelas mendapati bahawa golongan mualaf PERKIM tidak menghadapi cabaran dalam masyarakat kecuali sedikit sahaja daripada responden. Penemuan ini sangat penting sebagai dapatan baharu dalam

membuktikan bahawa tidak ramai dalam kalangan mualaf yang menghadapi cabaran dalam masyarakat.

Jadual 1.6 Taburan cabaran dalam masyarakat responden mualaf di PERKIM

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Mean	Mode
B11	Masyarakat menganaktirikan mualaf	1	4	2.02	2
B12	Keluarga angkat tidak memberi didikan agama	1	4	1.95	2
B13	Masyarakat memandang serong kepada golongan mualaf	1	4	2.12	2
B14	Masyarakat tidak membantu dalam pembangunan mualaf	1	4	2.04	2
B15	Masyarakat mempertikaikan niat memeluk Islam	1	4	2.15	2
B16	Masyarakat prejudis dengan tujuan saya memeluk Islam	1	4	2.06	2
B17	Disindir oleh masyarakat kerana memeluk Islam	1	4	2.01	2
B18	Masyarakat tidak mampu membela nasib mualaf	1	4	2.00	2
B19	Ketiadaan tempat mengadu masalah	1	4	2.17	2
B20	Ketiadaan tempat merujuk berkaitan ilmu-ilmu agama Islam	1	4	2.03	2

Sumber: Cabaran mualaf dalam masyarakat (2014)

c. Cabaran integrasi budaya Islam

Hasil kajian terhadap cabaran integrasi budaya Islam mendapati bahawa terdapat tiga item pemboleh ubah yang mendapat skor tertinggi secara keseluruhan daripada 10 item pemboleh ubah yang ditanyakan kepada golongan mualaf di PERKIM. Antara item tersebut ialah item B27 "Sukar untuk istiqamah dalam beramal dengan Islam", B28 "Sukar untuk membezakan amalan masyarakat Melayu dengan ajaran Islam" dan B29 "Sukar untuk menyebut huruf-huruf dalam bahasa Arab". Ketiga-tiga pemboleh ubah ini merupakan antara item yang mendapat skor yang tertinggi antara keseluruhan pemboleh ubah yang ditanyakan kepada responden. Secara purata, responden yang menjawab 'setuju' dan 'sangat setuju' bagi item B27 mendapat sebanyak 49 orang responden (49%) manakala item B28 sebanyak 52 orang responden (52%) dan item B29 sebanyak 57 orang responden (57%). Perkara ini dibuktikan melalui dapatan kajian dalam Jadual 1.7.

Jadual 1.7 Taburan cabaran integrasi budaya Islam responden mualaf di PERKIM

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
		F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
B21	Sukar untuk meninggalkan amalan lama sebelum memeluk Islam	34 (34%)	40 (40%)	19 (19%)	7 (7%)
B22	Masih berpegang dengan pantang larang masyarakat lama	35 (35%)	43 (43%)	16 (16%)	6 (6%)
B23	Masih beramal dengan adat-istiadat lama yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam	28 (28%)	39 (39%)	22 (22%)	11 (11%)
B24	Sukar untuk melakukan solat fardu	31 (31%)	45 (45%)	16 (16%)	8 (8%)
B25	Sukar untuk berpuasa di bulan Ramadan	32 (32%)	48 (48%)	16 (16%)	4 (4%)
B26	Sukar untuk mempelajari al-Quran	24 (24%)	43 (43%)	22 (22%)	11 (11%)
B27	Sukar untuk istiqamah dalam beramal dengan Islam	13 (13%)	38 (38%)	42 (42%)	7 (7%)
B28	Sukar untuk membezakan amalan masyarakat Melayu dengan ajaran Islam	14 (14%)	34 (34%)	39 (39%)	13 (13%)
B29	Sukar untuk menyebut huruf-huruf dalam bahasa Arab	15 (15%)	28 (28%)	39 (39%)	18 (18%)
B30	Sukar untuk mempraktikkan ajaran-ajaran yang dituntut dalam Islam	26 (26%)	45 (45%)	20 (20%)	9 (9%)

Sumber: Cabaran mualaf dalam masyarakat (2014)

Dalam Jadual 1.8, purata *mean* (min) dan *mode* (mod) dalam dapatan kajian berkaitan cabaran golongan mualaf dalam integrasi budaya Islam menunjukkan berada dalam purata yang rendah kecuali 3 item, iaitu item B27, B28 dan B29. Sebanyak 10 item pemboleh ubah yang ditanyakan kepada responden, namun 7 item pemboleh ubah daripadanya mendapat skor yang rendah iaitu purata “tidak setuju” dalam set soal selidik B21 sehingga B30. Dalam Jadual 4.18, jelas menunjukkan bahawa item B27 mempunyai purata *mean* (min) sebanyak 2.43 dan skor nilai *mode* (mod) sebanyak 3. Bagi item B28 mempunyai purata *mean* (min) sebanyak 2.51 dan skor nilai *mode* (mod) sebanyak 3 dan bagi item B29 pula

mempunyai purata *mean* (min) sebanyak 2.60 dan skor nilai *mode* (mod) sebanyak 3. Ketiga-tiga item pemboleh ubah ini mendapat respon yang tertinggi antara kesemua pemboleh ubah yang dinyatakan dalam kumpulan B21 sehingga B30 set soal selidik.

Jadual 1.8 Taburan cabaran integrasi budaya Islam responden mualaf di PERKIM

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Min	Mod
B21	Sukar untuk meninggalkan amalan lama sebelum memeluk Islam	1	4	1.99	2
B22	Masih berpegang dengan pantang larang masyarakat lama	1	4	1.93	2
B23	Masih beramal dengan adat-istiadat lama yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam	1	4	2.16	2
B24	Sukar untuk melakukan solat fardu	1	4	2.01	2
B25	Sukar untuk berpuasa di bulan Ramadan	1	4	1.92	2
B26	Sukar untuk mempelajari al-Quran	1	4	2.20	2
B27	Sukar untuk istiqamah dalam beramal dengan Islam	1	4	2.43	3
B28	Sukar untuk membezakan amalan masyarakat Melayu dengan ajaran Islam	1	4	2.51	3
B29	Sukar untuk menyebut huruf-huruf dalam bahasa Arab	1	4	2.60	3
B30	Sukar untuk mempraktikkan ajaran-ajaran yang dituntut dalam Islam	1	4	2.12	

Sumber: Cabaran mualaf dalam masyarakat (2014)

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa cabaran golongan mualaf terhadap ahli keluarga selepas memeluk Islam ialah “Disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam” dan “Dilabel sebagai masuk Melayu”. Jumlah responden yang setuju dan sangat setuju terhadap item “Disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam” sebanyak 71 orang responden daripada 100 orang responden, manakala item “Dilabel sebagai masuk Melayu” sebanyak 70 orang responden yang memberikan jawapan setuju dan sangat setuju terhadap item ini. Secara keseluruhannya, cabaran mualaf terhadap ahli

keluarga tertumpu kepada dua item ini kerana majoriti responden mengalami perkara tersebut. Sebagai buktinya, dapatan kajian menunjukkan kedua-dua item ini mempunyai mod 3 berbanding item-item yang lain yang hanya mempunyai mod 1 atau 2.

Seterusnya, dapatan kajian bagi cabaran muafaf terhadap masyarakat menunjukkan majoriti responden menyatakan 'sangat tidak setuju' dan 'tidak setuju' terhadap 10 item pemboleh ubah yang ditanyakan. Kenyataan ini dibuktikan melalui dapatan kajian nilai min sebanyak <2.17 bagi setiap item pemboleh ubah begitu juga dengan nilai mod, iaitu 2 (tidak setuju) kepada setiap item pemboleh ubah. Hal ini bermakna majoriti responden tidak menghadapi cabaran terhadap masyarakat kecuali segelintir sahaja daripada responden.

Bagi kategori cabaran golongan muafaf terhadap integrasi budaya Islam, faktor tertinggi yang menjadi cabaran kepada golongan muallaf di PERKIM adalah "Sukar untuk istiqamah dalam beramal dengan Islam", "Sukar untuk membezakan amalan masyarakat Melayu dengan ajaran Islam" dan "Sukar untuk menyebut huruf-huruf dalam bahasa Arab". Ketiga-tiga item pemboleh ubah ini merupakan antara yang tertinggi nilai min dan mod daripada 10 item pemboleh ubah yang diajukan kepada responden. Misalnya, bagi item "Sukar untuk istiqamah dalam beramal dengan Islam" mendapat nilai min sebanyak 2.43 dan nilai mod adalah 3, manakala item "Sukar untuk membezakan amalan masyarakat Melayu dengan ajaran Islam" mendapat nilai min sebanyak 2.51 dan nilai mod adalah 3 dan bagi item "Sukar untuk menyebut huruf-huruf dalam bahasa Arab" mendapat nilai min sebanyak 2.60 dan nilai mod adalah 3. Seterusnya, bagi nilai min selain daripada item pemboleh ubah yang dinyatakan di atas adalah sebanyak <2.20 manakala nilai mod adalah 2. Hal ini membuktikan bahawa golongan muafaf haruslah diberikan penekanan dari segi pendidikan dan latihan yang berterusan agar golongan ini dapat mengatasi segala cabaran yang mereka alami khususnya mengadaptasi budaya Islam dalam kehidupan mereka. Masyarakat Muslim disarankan agar mengambil inisiatif mendekati diri kepada golongan muafaf lebih-lebih lagi dalam memberikan sokongan dan dorongan seperti menghulurkan bantuan apabila diperlukan, menunjukkan keprihatinan terhadap masalah kehidupan mereka, mewujudkan perasaan kasih sayang dan hubungan persaudaraan sesama Islam dan menghargai kehadiran mereka dalam masyarakat.

Rujukan

- Abdul Ghafar Haji Don, Anuar Puteh & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2009. *Islam dan Saudara Kita*. Shah Alam: BPI, MAIS.
- Aisyah Jami'an. 2005. *Penghayatan di Kalangan Saudara Baru India di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ann Wan Seng. 2009. *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin. 1985. *Saudara Baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Penerbit UKM.

- Anuar Puteh. 1999. *Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juhaidi Yean Abdullah. 2012. Isu Murtad di Malaysia: Perlunya Kaedah Inovatif dan Tegas, dlm. Mohd Shauki Abd Majid et. al. (pynt). *Dakwah Jendela Pemikiran Ummah*. Kuala Lumpur: YADIM.
- Ku Md Ali Bin Ku Ramli. 1997. *Dakwah Kepada Saudara Baru: Satu Kajian Mengenai Pendekatan Dalam Aspek Bimbingan dan Kebajikan*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mariam Abdul Majid. 2011. *Mualaf Di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian Tentang Kepuasan Diri Dalam Kehidupan Islam*. Tesis Doktor Falsafah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.
- Mohamad Zaid Bin Mohd Zain. 2004. *Kesan Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Baru: Kajian di PERKIM Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nawi Jusoh. 2006. *Mengapa Kami Memeluk Islam*. Selangor: DNJ Consultant Sdn. Bhd.
- Noraizan Binti Abdul Ghani. 2007. *Keberkesanan Kurikulum Bimbingan Saudara Baru Orang Asli di Jabatan Agama Islam Pahang*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao. 2013. *Program Dakwah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kepada Saudara Muslim: Kajian Tentang Persepsi dan Keberkesanannya*. Tesis Doktor Falsafah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao. 2009. *Cabaran Psikologi Saudara Baru: Kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Kareelawati Binti Abd Karim. 2002. *Metodologi Dakwah Kepada Saudara Baru: Kajian Khusus di Darul Arqam Singapura*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit. 2011. *Isu-isu Pengurusan Saudara Muslim*. Bangi: UKM.
- Rosmani Binti Hussin. 2004. *Modul Bimbingan Saudara Baru: Kajian di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, UKM.
- Shakirah Binti Mohd Annuar. 2002. *Pemahaman Islam di Kalangan Saudara Kita di Negeri Pulau Pinang*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, UKM.